

Penerokaan mengganggu ekologi Kuala Koh - Dr. Ahmad

GUA MUSANG 11 Jan. - Aktiviti pembalakan dan penerokaan tanah di Taman Negara Kuala Koh boleh mengganggu sistem ekologi dan biodiversiti taman berusia kira-kira 130 juta tahun tersebut.

Timbalan Presiden Persekutuan Pencinta Alam Malaysia, **Profesor Dr. Ahmad Ismail** berkata, ia juga boleh mengganggu organisma akuatik dan *benthik* (tumbuhan yang hidup di dasar sungai).

Menurutnya, hakisan permukaan akibat daripada aktiviti pembalakan atau penebangan hutan boleh membawa mendapan atau lumpur ke sungai di samping boleh



AHMAD ISMAIL

merubah kualiti air.

"Di Taman Negara Kuala Koh, masih kurang maklumat tentang biodiversiti. Sekiranya berlaku perubahan alam sekitar ia sangat sensitif.

"Perkara itu perlu banyak kajian dan segera dilakukan sebelum terlambat," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas menyertai tinjauan bersama ke kawasan penerokaan dan pembalakan di Taman Negara Kuala Koh.

Ahmad yang juga merupakan Ketua Jabatan Biologi Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, biodiversiti Taman Negara

merupakan aset dan warisan negara yang perlu sentiasa dijaga.

Sehubungan itu, katanya, semua agensi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta kerajaan negeri mesti duduk semeja membincangkan pengawalan warisan negara ini.

"Pegawai jabatan kerajaan yang terlibat juga mesti mempunyai jati diri dan integriti tinggi dalam menangani situasi ini," katanya.

Tambah beliau, jika pihak terbabit mengambil sikap 'lepas tangan', dikhuatiri aktiviti seperti ini semakin teruk sekali gus mengancam masa depan Taman Negara Kuala Koh.



TIGA kanak-kanak Orang Asli suku Batek hanya mampu melihat jentolak mengangkut hasil balak di kawasan berhampiran Taman Negara Kuala Koh ketika tinjauan *Mingguan Malaysia*, baru-baru ini.